

Sinar Harian 6/10/2020 m/s 22

Teroka tanah hutan simpan secara haram

FOTO: HHSAN PHD BENTONG



Anggota penguat kuasa PHD Bentong meninjau kawasan Hutan Simpan Bukit Tinggi (Tambahan) yang diteroka secara haram oleh beberapa individu minggu lalu.

Dua lelaki ditahan
libat penerokaan tujuh
hektar tanah untuk
tujuan pertanian

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN
Lebih tujuh hektar tanah di kawasan Hutan Simpan Bukit Tinggi (Tambahan) di Bentong dikenal pasti diteroka secara haram oleh beberapa individu bagi tujuan pertanian.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong, Haffiz Baharuddin berkata, penerokaan tanah dikesan selepas penahanan dua lelaki tempatan yang mencerooh kawasan hutan terbahit oleh anggota dari Unit Penguat kuasa PHD Bentong

bersama Pasukan Renjer Bentong Barat, minggu lalu.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati kawasan yang dice-roboh itu digunakan untuk penanaman pisang dan durian oleh beberapa individu tersebut termasuk dua yang ditahan pihaknya.

“Dua lelaki ditahan berusia 48 dan 72 tahun ketika mereka melakukan aktiviti pertanian di kawasan hutan simpan itu.

“Pihak kami juga telah menyita dua motosikal milik dua individu terbabit termasuk hasil tanaman pisang dan durian yang cuba dipindahkan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya membuat siasatan selepas menerima aduan daripada orang ramai berhubung wujudnya penerokaan tanah haram di kawasan tersebut.

Katanya, penerokaan kawasan hutan itu boleh mengun-

dang berlakunya tanah runtuh kerana ia terletak bersebelahan Kampung Bukit Ringgi dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

“Kita akan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang mencerooh hutan simpan di daerah ini sebagai bukti ketegasan PHD Bentong membendung perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak degil dan tamak,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, operasi pemusnahan tanaman sedia ada akan dilakukan segera dan penanaman semula pokok balak yang sesuai di kawasan ceroboh bagi mengembalikan ekosistem di kawasan hutan simpan itu.

“Selepas ini, pihak kita akan melakukan lebih banyak operasi penguatkuasaan terutama membabitkan hutan simpan dan tanah kerajaan,” katanya.